

AZWAR IMPI KE OLIMPIK 2020

Atlet paralimpik pingpong pertama berjaya layak 2 kali berturut-turut ke Sukan Paralimpik



Fatin Farhana Japre
gen.y@hmetro.com.my

Meskipun dilahirkan cacat jari tangan sejak kecil, itu bukan penghalang bagi pemain pingpong negara, Mohamad Azwar terus mengukir nama menerusi sukan ini di peringkat antarabangsa.

Berhasrat beraksi di Sukan Olimpik 2020 di Tokyo dan meraih pingat emas untuk negara, Mohamad Azwar kini mempersiapkan diri dari segi mental dan fizikal supaya 'layak' mewakili negara.

Berkongsi mengenai pembabitannya, anak kelahiran Terengganu ini berkata dia mula aktif bermain pingpong sejak sekolah rendah pada usia 10 tahun dan hanya sekadar suka-suka. Namun tidak sangka pada usia 12 tahun dia terpilih mewakili Terengganu ke Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM).

"Sejak itu saya mulai serius terhadap sukan ini dan dipilih mewakili negeri setiap tahun sehingga tingkatan lima. Selepas tamat tingkatan lima, saya melanjutkan pengajian di pe-

kerjatan yang berjaya layak ke Sukan Paralimpik Rio," katanya.

ringkat Diploma Pengurusan Perniagaan di Politeknik Kota Bharu, Kelantan dan berhenti bermain pingpong selama tiga tahun atas sebab tertentu.

"Sebaik saja tamat pengajian diploma, Terengganu menjadi tuan rumah untuk Sukan Malaysia (SUKMA) 2008 dan saya 'kembali beraksi' mewakili negeri bagi sukan pingpong."

"Disebabkan sudah tiga tahun tidak bermain pingpong, saya perlu melakukan lebih banyak latihan."





MOHAMAD Azwar (kanan) menjalani latihan sebelum perlawanan di Olimpik Rio.

Bagi saya, OKU lain perlu diberi pendedahan menerusi sukan kerana di negara kita ada platform yang sesuai. Jangan berasa malu dan bawa bersosial di luar supaya mereka tidak rasa tersisih sekali gus membina keyakinan dalam diri untuk menjalani kehidupan biasa

MOHAMAD AZWAR

berjaya meraih pingat gangsa kerana Terengganu tidak pernah meraih pingat untuk sukan pingpong sepanjang SUKMA. Bakat saya mula menyerlah dan mendapat perhatian Malaysia Paralimpik sekali gus menarik saya

dari bawah bakat Malaysia," kata anak keempat daripada tujuh beradik ini. Sewaktu kecil, Mohamad Azwar sering dibuli rakan sebaya tetapi selepas berjaya membuktikan kejayaannya dalam sukan walaupun



BERSAMA atlet paralimpik Malaysia yang mengharumkan nama negara di Olimpik Rio.



SESI latihan petang bersama anak didiknya, Alysha Tung Hui Ling.

cacat jari tangan, rata-rata rakannya tidak lagi memandang rendah terhadapnya. Malah dia kini mempunyai anak didik sendiri iaitu Alysha Tung Hui Ling, 21, yang bakal menjelaki langkahnya mengharumkan nama negara menerusi sukan ini.

Pernah mewakili negara menerusi sukan ini lebih 50 kali, sudah semestinya banyak pencapaian diraih dan pengalaman pahit manis yang tidak mungkin dilupakan.

Mohamad Azwar berkata dia tidak mungkin melupakan pengalaman paling bermakna dalam hidupnya apabila dia atlet paralimpik pingpong pertama yang berjaya melayakkan diri dua kali berturut-turut ke Sukan Paralimpik iaitu di London dan Rio.

"Pada 2012 pula, perasaan gembira tidak dapat saya

zahirkan dengan kata-kata apabila layak untuk beraksi di Paralimpik London selepas berjuang habis-habisan untuk menduduki tangga 13 teratas pusingan suku akhir. Memang susah nak melayakkan diri kerana perlu bertanding dengan 300 atlet seluruh dunia untuk merebut 14 tempat dan saya berjaya menduduki tangga ke-12."

"Sukan pingpong nampak mudah tetapi sebenarnya melelahkan jika tidak cukup stamina dari segi fizikal dan mental. Bayangkan setiap kali latihan saya perlu membolas puluhan 1,000 biji bola pingpong yang diantar untuk memantapkan teknik pukulan dan terima bala daripada pihak lawan."

"Oleh sebab itu, saya sangat menjaga pemakanan, bersenam di gimnasium pada waktu tengah hari dan men-

jalani latihan setiap malam selama tiga jam di Pusat Sukan Universiti Putra Malaysia, Serdang," katanya.

Katanya, ibu bapa perlu memainkan peranan utama dan tidak perlu malu mempunyai anak orang kurang upaya (OKU) kerana mereka juga mahu menjalani kehidupan normal seperti orang lain.

"Bagi saya, OKU lain perlu diberi pendedahan menerusi sukan kerana di negara kita ada platform yang sesuai. Jangan berasa malu dan bawa bersosial di luar supaya mereka tidak rasa tersisih sekali gus membina keyakinan dalam diri untuk menjalani kehidupan biasa."

"Semoga kisah hidup saya ini akan memberi inspirasi kepada remaja untuk berjaya dalam apa saja sukan yang diminati," katanya.